

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 NOVEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 26

## Kerajaan dijangka beri keutamaan atasi kos sara hidup

# Kerajaan dijangka beri keutamaan atasi kos sara hidup

Kerajaan baharu pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka memberi keutamaan dalam menangani peningkatan kos sara hidup, meskipun negara berdepan dengan tekanan harga yang tinggi tahun hadapan, demikian mengikut penganalisis.

Penganalisis CGS-CIMB, Nazmi Idrus, berkata pada mesyuarat dasar monetari Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini, menekankan jangkaan inflasi utama yang akan kekal tinggi tahun hadapan di tengah tekanan perminatan dan kos.

Bagaimanapun, katanya, perlantikan kerajaan baharu pimpinan Perdana Menteri ke-10 dijangka menggandakan usaha membendung inflasi diteruskan selaras dengan ikrar yang diberikan untuk memberi keutamaan dalam menangani peningkatan kos sara hidup.

"Justeru, kami mengekalkan unjuran Harga Indeks Pengguna (IHP) pada 3.1 peratus pada 2022 dan 3.2 peratus pada 2023."

"Pada pandangan kami, peningkatan berterusan dalam

inflasi teras boleh menunjukkan pengetatan dasar monetari sepanjutnya," katanya dalam nota penyelidikan.

Inflasi utama Malaysia menujun kepada 4 peratus pada Oktober daripada 4.5 peratus pada September.

Angka itu menjangkui unjuran konsensus Bloomberg sebanyak 10 mata asas.

Bagi asas bulan ke bulan, pertumbuhan inflasi utama meningkat sebanyak 0.2 peratus pada Oktober berbanding 0.1 peratus pada September.

Inflasi teras meningkat kepada 4.1 peratus pada Oktober daripada 4.0 peratus pada September.

Inflasi teras tidak termasuk bahan api untuk kenderaan (RON95, RON97 dan diesel) menyaksikan inflasi meningkat kepada 4 peratus tahun ke tahun pada Oktober.

Kesasas rendah yang berlantikan dalam komponen utiliti dan perumahan yang direkodkan kepada 1.5 peratus tahun ke tahun pada Oktober telah menyumbang kepada peningkatan sederhana inflasi utama pada bulan dikaji.

Makanan dan minuman bukan alkohol meningkat kepada 7.1 peratus tahun ke tahun pada Oktober daripada 6.8 peratus pada September.

Harga barang yang ditadbir seperti subkomponen minyak dan lemak menyederhana kepada 2.6 peratus daripada 3.8 peratus pada September, sementara kos pengangkutan kukuh 5.2 peratus, terutamanya disebabkan RON97 me-

ningkat daripada RM2.84 seliter pada 2021 kepada RM3.96 pada Oktober.

"Inflasi utama menjadi sederhana apabila kesasas yang rendah semakin berkurangan bersamaan penurunan harga komoditi," tambah Nazmi.

Sementara itu, MIDF Research dalam nota penyelidikan berkata, dalam persekitaran harga komoditi global yang meningkat, tekanan inflasi di Malaysia dipengaruhi oleh inflasi makaran lebih tinggi.

**Permintaan domestik kuat**  
Katanya, firma penyelidik itu menjangkakan pertumbuhan harga makanan mencatatkan pada 5.5 peratus tahun ini antara lain disebabkan susut nilai selanjutnya ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

"Dengan pengukuran permintaan domestik, kami menaik taraf ramalan IHP utama sedikit iaitu 0.2 mata peratus kepada 3.0 peratus tahun ini," katanya.

Menurut firma penyelidik, melangkah ke tahun hadapan,

faktor tolakan penawaran terhadap inflasi dijangka berkurangan antara lain disokong peningkatan nilai ringgit, harga makanan yang sederhana, tekanan rantaian bekalan global yang semakin meredai dan harga komoditi yang normal.

"Terima kasih kepada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) kerna tinjauan inflasi Malaysia lebih jelas untuk tahun hadapan kerana kami menjangkakan kerajaan perpaduan yang baharu dibentuk berkemungkinan besar mengekalkan status quo mekanisme subsidi bahan api semasa."

"Seperti berpandukan pelan tindakan manifesto Pakatan Harapan (PH), kerajaan pimpinan PH mungkin mengkaji semula amalan monopoli ke atas beberapa barang berkaitan pertanian dengan idea untuk meningkatkan bekalan keluaran dan menurunkan harga makanan."

"Jika status quo pada subsidi bahan api, maka inflasi utama diramalkan berlebar antara 2.3 hingga 2.5 peratus pada 2023," katanya.

**Peningkatan berterusan dalam inflasi teras boleh menunjukkan pengetatan dasar monetari selanjutnya**

Nazmi Idrus,  
Penganalisis  
CGS-CIMB

